

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)62

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

62. Apakah usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi meringankan golongan berpendapatan rendah untuk menampung kos rawatan kesihatan?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

62. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui beberapa agensi dan jabatan Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam meringankan beban golongan berpendapatan rendah terutamanya bagi menampung kos rawatan kesihatan golongan ini.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri menyediakan bantuan subsidi kepada tiga (3) pusat dialisis iaitu Pertubuhan Komuniti Chest (PCC), Pusat Dialisis MAA Maedicare dan Pusat Dialisis At-Taqwa dengan jumlah kos tahunan sebanyak **RM370,380.00**.

Selain itu, Lembaga Zakat Pulau Pinang juga menyediakan beberapa jenis bantuan bagi menampung kos rawatan kesihatan golongan berpendapatan rendah seperti:

- (i) Skim Dialisis;
- (ii) Bantuan Perubatan Kritikal;
- (iii) Bantuan alatan kesihatan contohnya katil dan kerusi roda; dan
- (iv) Program Farmasi Panel.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut memperuntukkan bantuan kewangan persekutuan dan negeri kepada golongan yang memerlukan mengikut syarat Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan syarat khusus skim bantuan.

Perbelanjaan bagi kos rawatan kesihatan pemohon akan dikira bersama PGK, seterusnya memudahkan pihak JKJ menyalurkan bantuan kewangan.

Di samping itu, Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) adalah satu kemudahan yang disediakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan inisiatif kerajaan di bawah Belanjawan 2024 ini bertujuan bagi menampung keperluan

kesihatan golongan berpendapatan rendah dengan memberi tumpuan kepada Penyakit Tidak Berjangkit (NCD).

Kelayakan Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) adalah secara automatik untuk penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan pasangan yang berumur 40 tahun dan keatas.

Melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), pesakit warganegara yang mendapatkan rawatan kesihatan di Hospital Kerajaan dan tidak mampu menanggung kos rawatan akan dirujuk ke Jabatan Kerja Sosial Perubatan (JKSP) bagi penilaian dan pertimbangan pengecualian bayaran. Pesakit berstatus OKU dikecualikan pembayaran kos rawatan.